



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEKERTI NEGARA

LOKASI / TARIKH / MASA

**SEKOLAH SENI MALAYSIA SARAWAK (SSeMS)
4 JULAI 2026 (SABTU) I 11.30 PAGI**

Kemas kini 3 Julai 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam
KASIH Keluarga dan Salam Malaysia MADANI**

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dan berhimpun dalam Majlis Perasmian Program PEKERTI Negara pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sarawak diatas penganjuran program yang amat bermakna pada kali ini.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak melalui Pejabat Pendidikan Daerah Kuching, Sekolah Seni Malaysia Sarawak, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), NGO serta pelbagai agensi kerajaan dan rakan strategik yang sentiasa komited dalam menjalin kerjasama erat demi kesejahteraan remaja dan keluarga.

REMAJA HARI INI, PEMIMPIN MASA HADAPAN

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

Remaja merupakan aset yang amat berharga kepada negara. Merekalah generasi yang akan menerajui pembangunan sosial, ekonomi dan kepimpinan negara pada masa hadapan. Justeru, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan mereka membesar sebagai generasi yang berilmu, berakhlak mulia, berdaya saing serta berdaya tahan.

4. Namun begitu, kita tidak boleh menafikan bahawa remaja hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks. Berdasarkan **data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**, bagi tempoh **2019 hingga 2024**, seramai **21,114 remaja berusia 10 hingga 19 tahun yang hamil dan tidak berkahwin** telah direkodkan di fasiliti kesihatan Kerajaan. Di Sarawak, **Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak** merekodkan **1,271 kes pada tahun 2024** berbanding **1,242 kes pada tahun 2025**.

5. Walaupun menunjukkan sedikit penurunan, angka ini masih memerlukan perhatian serius. Hakikatnya, **isu kehamilan tanpa perkahwinan** bukan sahaja memberi kesan kepada masa depan remaja, malah turut menjejaskan institusi keluarga dan kesejahteraan masyarakat. Justeru, usaha pencegahan, pendidikan dan intervensi awal perlu terus diperkukuh dengan sokongan semua pihak.

CABARAN DUNIA DIGITAL DAN PERANAN IBU BAPA

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

6. Pada hari ini, ancaman terhadap remaja tidak lagi terhad kepada persekitaran fizikal semata-mata. Dunia digital telah membuka ruang kepada pelbagai bentuk risiko baharu termasuk buli siber, penipuan dalam talian, eksploitasi seksual dan **fenomena “sexual grooming”** yang semakin membimbangkan.

7. Menurut tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 mendapati hampir satu pertiga atau **29 peratus** remaja berusia **13 hingga 17 tahun** mempunyai kecenderungan ketagihan internet. Keadaan ini boleh mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko sosial dan keselamatan sekiranya tidak dibimbing dengan sewajarnya.

8. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga menunjukkan peningkatan **kes rogol statutori** yang melibatkan **hubungan suka sama suka** dalam kalangan individu bawah umur, daripada **719 kes pada tahun 2019** kepada **1,139 kes pada tahun 2025**. Ini membuktikan bahawa pendidikan berkaitan keselamatan diri dan kesihatan reproduktif perlu terus diperkukuh.

9. Ibu bapa merupakan benteng pertama dalam melindungi anak-anak daripada pelbagai pengaruh negatif. Selain memenuhi keperluan mereka, ibu bapa juga perlu menjadi seorang pendengar yang baik serta tempat untuk anak-anak mendapatkan nasihat dan sokongan.

10. Saya menyeru semua ibu bapa agar luangkan masa dengan anak-anak, memahami dunia digital mereka serta memantau penggunaan teknologi secara berhemah. Hubungan yang erat dalam keluarga akan membantu anak-anak membuat pilihan yang betul dan mengelakkan mereka daripada pengaruh negatif.

KEPENTINGAN PROGRAM PEKERTI

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

11. Anak-anak muda pada hari ini menghadapi pelbagai cabaran sosial. Oleh itu, pendekatan yang relevan dan menyeluruh seperti **Program PEKERTI** diperlukan untuk memastikan pendidikan kesihatan reproduktif sampai kepada kumpulan sasaran kita iaitu remaja.

12. Di peringkat kebangsaan, Program PEKERTI Negara menyasarkan **penglibatan seramai 150,000 remaja** dalam kalangan institusi pendidikan dan komuniti dengan sejumlah **60,000 orang murid daripada lebih 1,000 buah sekolah di seluruh Malaysia**. Program ini juga akan **melahirkan 1,000 Junior Teen Educator (Junior TE)** yang berperanan sebagai “**ejen perubahan**” dalam membimbing dan mendidik rakan sebaya melalui pendekatan “*peer-to-peer*”, seiring dengan PEKERTI iaitu Peka, Peduli dan Prihatin.

13. Hari ini merupakan satu detik yang amat bermakna apabila Sarawak dipilih sebagai lokasi peluncuran rasmi Program PEKERTI Negara.
14. Kita memilih memanfaatkan platform Program PEKERTI peringkat Negeri Sarawak **untuk melancarkan “Program PEKERTI Negara” secara rasmi secara bersekali.** Ini membuktikan komitmen kita dalam memastikan agenda Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) dipacu secara serentak dan inklusif.

15. Khusus untuk Sarawak, langkah awal kita pada tahun ini akan melibatkan pelaksanaan program KafeTEEN bersama sekolah yang akan melahirkan ***seramai 60 Junior Teen Educator*** dan memanfaatkan kepada lebih **5,000 orang (*lima ribu orang*)** murid
16. Sebagai ***way forward*** menjelang tahun 2030, Program PEKERTI Negara dijangka akan memberi manfaat kepada lebih **25,000 orang (*dua puluh lima ribu orang*)** remaja di seluruh Sarawak.

17. Saya juga amat berbesar hati kerana pada hari ini, kita berjaya menghimpunkan penyertaan daripada lapan (8) buah sekolah menengah terpilih daripada keseluruhan 12 buah sekolah yang melaksanakan Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) KafeTEEN di Sarawak. Saya percaya penyertaan ini akan menjadi titik permulaan kepada pelaksanaan Program PEKERTI yang lebih meluas di Sarawak.

18. Sehubungan itu, penglibatan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) serta latihan kepada *Junior Teen Educator* merupakan satu pendekatan yang amat baik dalam memastikan mesej dapat disampaikan secara lebih dekat, berkesan dan berterusan kepada golongan remaja.

19. Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui LPPKN akan terus memperluaskan pelaksanaan Program PEKERTI dan pelbagai inisiatif berkaitan kesejahteraan remaja. Saya percaya usaha ini mampu membentuk generasi muda yang lebih berpengetahuan, berkeyakinan dan mampu membuat keputusan yang betul dalam kehidupan.

PENUTUP

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengingatkan bahawa usaha membentuk generasi remaja yang berakhlak dan berwawasan bukanlah tanggungjawab sekolah semata-mata. Ia memerlukan kerjasama ibu bapa, institusi pendidikan, komuniti, NGO dan kerajaan. Setiap remaja yang berjaya dibimbing hari ini merupakan aset yang amat bernilai untuk masa depan negara.

21. Marilah kita bersama-sama mewujudkan persekitaran yang selamat, penyayang dan kondusif agar anak-anak kita dapat membesar dengan nilai murni, ilmu pengetahuan dan jati diri yang kukuh.

22. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan Program PEKERTI Negara pada hari ini. Semoga segala usaha, komitmen dan kerjasama yang dizahirkan menjadi titik tolak kepada gerakan yang lebih menyeluruh dalam memperkasa remaja dan memperkukuh institusi keluarga. Sesungguhnya, masa depan negara bukan ditentukan oleh apa yang kita impikan untuk generasi muda, tetapi oleh apa yang kita lakukan untuk mereka pada hari ini.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Program PEKERTI Negara Tahun 2026.

Sekian. *Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamua'laikum* W.B.T.
Terima Kasih.

DATO SRI HAJAH NANCY SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
4 Julai 2026